



SISTEM MAKLUMAT AKADEMIK

Oleh

PUTERI NORHUDA MEGAT HOD

WET98153

SESI 2000/2001

PENYELIA

PUAN SALIMAH MOKHTAR

MODERATOR

CIK ANIZA ABDULLAH



LAPORAN LATIHAN ILMIAH II

FAKULTI SAINS KOMPUTER & TEKNOLOGI MAKLUMAT

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Pertama sekali saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurniaNya saya dapat menyiapkan laporan latihan ilmiah ini.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Madya Mahfuzah Kamsah dan Puan Salimah Mokhtar atas segala tunjuk ajar dan panduan yang diberikan selama ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada Puan Rodina Ahmad yang turut memberi bimbingan dalam menyiapkan projek ini.

Sekalung penghargaan buat Cik Nor Aniza Abdullah selaku moderator yang telah memberi panduan dan komen yang berguna bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar.

Disamping itu saya ingin mengucapkan terim kasih kepada keluarga saya yang sentiasa memberi dorongan dan semangat.

Seterusnya kepada pihak FSKTM atas segala kerjasama yang diberi bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Tidak lupa juga kepada teman-teman seperjuangan yang banyak membantu dan memberi sokongan. Segala jasa baik anda amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

	PENGHARGAAN	x
	SENARAI RAJAH	xx
	ABSTRAK	
BAB 1	Pengenalan	1-6
1.1	Definisi Projek	
1.2	Objektif	
1.3	Kepentingan Projek	
1.4	Skop	
1.5	Pengguna Sasaran	
1.6	Ciri-ciri Sistem	
1.7	Penjadualan Sistem	
1.8	Hasil yang Dijangkakan	
BAB 2	TINJAUAN LITERASI	7-23
2.1	Pengenalan	7-8
2.1.1	Definisi Sistem Maklumat Akademik	
2.1.2	E-fakulti	
2.1.3	E-Universiti	
2.2	Pembangunan Sistem	8-13
2.2.1	Pencarian Sumber Maklumat	
2.2.1.1	Pencarian Melalui Internet	
2.2.1.2	Dokumen-dokumen rujukan	
2.2.1.3	Sumber Bertulis	
2.2.2	Analisis Sumber Maklumat	
2.2.2.1	Keputusan Analisis	
2.3	Senibina Sistem	14-16
2.3.1	Pelayan / Pelanggan	
2.3.1.1	Two-tier Architecture	
2.3.1.2	Three & multier Architecture	
2.3.2	Internet	
2.3.2.1	Model Pengkomputeran Internet	
2.4	Peralatan Pembangunan	17-23
2.4.1	Perisian	
2.4.1.1	Microsoft Visual Interdev	
2.4.2	Pangkalan Data	
2.4.2.1	Fail berasaskan teks	

2.4.2.2	Microsoft Access 2000	
2.4.2.3	SQL Server 7	
2.4.3	Bahasa Pengaturcaraan	
2.4.3.1	Active Server Pages	
2.4.4	Bahasa Pengskripan	50-52
2.4.4.1	VBScript	
2.4.4.2	JavaScript & Jscript	53-54
2.5	Kebaikan Sistem	23

BAB 3 KEPERLUAN SISTEM 24-36

3.1	Pengenalan
3.2	Masalah yang dihadapi
3.3	Peralatan yang digunakan
3.3.1	Perkakasan
3.3.2	Perisian
3.4	Model yang digunakan
3.5	Keperluan fungsi
3.6	Keperluan bukan fungsi
3.7	Perancangan masa

BAB 4 REKABENTUK SISTEM 37-42

4.1	Pengenalan
4.2	Peringkat proses rekabentuk
4.2.1	Rekabentuk sistem berstruktur
4.2.2	Antaramuka pengguna
4.2.2.1	Rekabentuk antaramuka pengguna
4.2.3	Rekabentuk skrin
4.2.4	Rekabentuk menu
4.2.5	Pangkalan data
4.2.5.1	Rekabentuk pangkalan data

BAB 5 PENGATURCARAAN 43-46

5.1	Pengenalan
5.2	Proses Pengaturcaraan
5.3	Kaedah Pengaturcaraan
5.3.1	Pengaturcaraan Bermodul
5.3.2	Pengaturcaraan Berstruktur
5.4	Perlaksanaan proses pengaturcaraan
5.5	Hasil dari fasa pengaturcaraan

BAB 6 PENGUJIAN SISTEM 47-49

6.1	Pengenalan
6.2	Ujian Unit
6.3	Ujian Modul

- 6.4 Ujian Integrasi
- 6.5 Ujian Sistem
- 6.6 Ujian Pengesahan

BAB 7 MASALAH DAN PENYELESAIAN 50-52

BAB 8 PENILAIAN SISTEM 53-54

- 8.1 Pengenalan
- 8.2 Kelebihan sistem
- 8.3 Kekurangan sistem

BAB 9 KESIMPULAN DAN CADANGAN 55

- 9.1 Mengenai sistem
- 9.2 Cadangan

- LAMPIRAN**
- LAMPIRAN A CARTA-CARTA
 - LAMPIRAN B MANUAL PENGGUNA
 - LAMPIRAN C KOD PROJEK

RUJUKAN & BIBLIOGRAFI

SENARAI RAJAH

Bil	No Rajah	Huraian
1	Rajah 2.1	Two-tier Architecture
2	Rajah 2.2	Three and multier Architecture
3	Rajah 3.1	Sistem digunakan
4	Rajah 3.2	Sistem cadangan
5	Rajah 3.3	Gambarajah aliran data
6	Rajah 3.4	Model Air Terjun
7	Rajah 3.5	Jadual berkenaan dengan kursus
8	Rajah 3.6	Gambarajah aliran data
9	Rajah 3.7	Jadual masa dirancangkan
10	Rajah 4.1	Rekabentuk Sistem
11	Rajah 4.2	Gambarajah aliran data
12	Rajah 4.3	Rekabentuk Pangkalan Data

ABSTRAK

Sistem yang dibangunkan adalah sistem maklumat akademik secara elektronik.

Dalam membangunkan Sistem Maklumat Akademik (SMA) beberapa aspek perlu diberi perhatian. Ini kerana ia melibatkan beberapa peringkat kerja seperti pemilihan sistem, merekabentuk, pembangunan, pengujian dan sebagainya.

Pada permulaannya, segala maklumat tentang sistem yang sedia ada didapatkan. Ini dengan melakukan pencarian dan penyelidikan melalui internet, sistem yang sedang digunakan, dokumen, pendapat penyelia, dan temuramah dan soal selidik yang dibuat.

Kaedah yang betul digunakan bagi memastikan maklumat dapat disalurkan dengan cara yang betul. Melalui model air terjun digunakan kerana ia merupakan satu model yang berisiko rendah apabila membangunkan sistem yang dapat difahami dan menggunakan peralatan yang biasa digunakan.

Pemilihan peralatan ini haruslah dikaji dan berdasarkan perkakasan yang baik dan berkeupayaan tinggi dan perisian yang berkualiti serta mampu menangani perubahan persekitaran.

Ia juga menjamin tugas dapat dilakukan pada masa yang ditetapkan.

Dalam menentukan rekabentuk sistem, beberapa perkara perlu dipertimbangkan seperti rekabentuk antaramuka, skrin, menu dan samada ia memenuhi keperluan pengguna.

Kesimpulannya ia dapat menghasilkan satu sistem yang interaktif dan mesra pengguna.

1.0 PENGENALAN

1.1 DEFINISI PROJEK

Bagi para pelajar, selain sibuk menghadiri kuliah mahu di hantar projek yang penting yang berlaku di persekitaran kita dan ini merupakan satu projek yang penting. Oleh itu, kita haruslah memahami definisi projek ini dengan betul dan tepat dan juga memahami definisi projek ini.

Mengetahui hakikat ini, Sistem Maklumat (SM) adalah satu sistem yang dapat memberi maklumat kepada pengguna dan ini adalah satu sistem yang penting untuk maklumat seperti ini. Oleh itu, kita haruslah memahami definisi projek ini dengan betul dan tepat dan juga memahami definisi projek ini.

Melalui sistem ini, para pelajar boleh mudah mendapatkan maklumat tentang projek yang mereka perlukan dan ini adalah satu sistem yang penting untuk maklumat seperti ini. Oleh itu, kita haruslah memahami definisi projek ini dengan betul dan tepat dan juga memahami definisi projek ini.

Ini akan memberi kita beberapa perkara seperti:

- Kemungkinan adanya projek antara para pelajar dan pihak pentadbiran yang menyebarkan maklumat projek kepada para pelajar dan ini adalah satu sistem yang penting untuk maklumat seperti ini. Oleh itu, kita haruslah memahami definisi projek ini dengan betul dan tepat dan juga memahami definisi projek ini.
- Masalah pendidikan di luar yang mengambil masa
- Maklumat yang tidak tepat

1.0 PENGENALAN

1.1 DEFINISI PROJEK

Bagi para pelajar, selain sibuk menghadiri kuliah masih banyak perkara penting yang berlaku di persekitaran perlu diambil perhatian. Pendaftaran kursus, aktiviti fakulti, hal berkenaan peperiksaan perlu diketahui secara tepat dan cepat.

Menyedari hakikat ini, Sistem Maklumat Akademik diharapkan dapat memberi maklumat akademik yang diperlukan. Ia akan menyalurkan pelbagai bentuk maklumat seperti maklumat kursus, sistem semester, pendaftaran kursus dan beberapa maklumat lain.

Melalui sistem ini, para pelajar lebih mudah mendapatkan maklumat terkini tanpa melihat papan buletin atau melalui pejabat.

Ini untuk mengatasi beberapa perkara seperti

- ❖ Komunikasi kurang berkesan antara pelajar dan pihak pentadbiran yang menyebabkan adakalanya pelajar ketinggalan mengenai sesuatu perkara
- ❖ Masalah pendaftaran kursus yang mengambil masa
- ❖ Maklumat yang tidak tepat

Sistem yang akan dibangunkan menyediakan keadaan yang lebih baik di mana sebarang perubahan akan terus disalurkan ke dalam web. Maklumat yang cepat, tepat boleh didapati. Malah kemudahan email akan dilaksanakan bagi pelajar menghubungi penasihat akademik masing-masing.

Secara keseluruhannya ia mampu memenuhi keperluan semua penggunaanya kerana ia digunakan bagi pelbagai tujuan seperti untuk mengakses data, membuat rujukan dan semakan serta memasukkan data yang diperlukan.

1.3 KEPENTINGAN PROJEK

1.2 OBJEKTIF

Dalam proses melaksanakan pembangunan sistem ini, beberapa objektif utama digariskan. Ini untuk memastikan matlamat utama dapat dicapai dan tidak lari dari tujuan asal.

1. Membantu memberikan maklumat akademik kepada semua pihak secara tepat dan cepat.
2. Mengurangkan permasalahan yang timbul dalam penghantaran dan penerimaan maklumat.
3. Mengikut tren masakini yang mana segala sumber dan kaedah penyaluran maklumat adalah berasaskan elektronik.
4. Mengurangkan kebergantungan antara pihak pentadbir, pelajar dan pensyarah untuk mendapatkan maklumat terkini.

5. Mengurangkan risiko kehilangan data atau data bertindih.
6. Ia juga membantu mengurangkan kesilapan semasa proses pendaftaran.
7. Menyediakan laporan yang dapat digunakan oleh semua pihak samada untuk pemeriksaan, penilaian, semakan dan tujuan lain pada masa akan datang.
8. Secara tidak langsung, pembangunan sistem mendedahkan semua pihak pada persekitaran teknologi maklumat.

1.3 KEPENTINGAN PROJEK

Projek ini adalah untuk memenuhi keperluan pengajian kursus dimana ia melibatkan kursus Latihan Ilmiah I (WXET3181) dan Latihan Ilmiah II (WXET3182)

Sistem ini dibangunkan untuk menyediakan satu kemudahan bagi Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat.

Ia juga bagi melatih pelajar agar dapat mencurahkan idea dan membina system sebagai satu persediaan sebelum memulakan kerjaya

1.4 SKOP CIRI SISTEM

Ia melibatkan 3 modul utama yang terdiri daripada modul pelajar, pensyarah dan modul pihak pengurusan.

Setiap modul ini pula melibatkan submodul-submodul yang lain seperti modul pengurusan data personal dan akademik, pendaftaran dan kemaskinian.

Sistem Maklumat Akademik ini menyediakan kemudahan mengakses maklumat

Keseluruhannya, melalui sistem ini Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat akan menjadi satu fakulti contoh dimana menggunakan perkhidmatan secara elektronik dalam pengurusan.

1.5 PENGGUNA SASARAN

Sasaran utama dalam pembinaan Sistem Maklumat Akademik ialah warga FSKTM iaitu para pelajar, kakitangan pejabat dan pihak pentadbiran serta orang luar yang ingin mendapatkan maklumat mengenai Fakulti Sains Komputer secara amnya dan berkenaan kursus fakulti secara khasnya.

1.6 CIRI-CIRI SISTEM

Sistem ini dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan bagi melindungi semua data, boleh dipercayai kerana maklumat dari sumber sebenar dan membekalkan maklumat yang tepat dan terkini serta mengikut keperluan semasa.

1.7 PENJADUALAN SISTEM

Sistem yang dijalankan adalah secara berperingkat-peringkat agar ia dapat dibuat mengikut segala yang telah dirancang. Ia juga bagi memastikan semua fungsi dapat dilaksanakan. Sila rujuk lampiran A.

1.8 HASIL YANG DIJANGKA

Sistem Maklumat Akademik dibangunkan supaya ia dapat digunakan sepenuhnya dan dijangka akan menjadi sistem interaktif.

Pada tahap akhir projek, sistem ini dijangka

- I. Dapat dijadikan rujukan dan sebagai satu saluran bagi menyampaikan segala maklumat
- II. Sistemnya yang ringkas membolehkan ia lebih mudah difahami dan digunakan.

2.0 TINJAUAN LITERASI

2.1 PENGENALAN

Bab 2

TINJAUAN LITERASI

2.0 TINJAUAN LITERASI

2.1 PENGENALAN

Tinjauan Literasi merupakan satu kaedah dalam proses membina satu sistem yang baru. Ia penting kerana membantu dalam memberi panduan membentuk satu sistem yang lebih efektif. Ini untuk memastikan kajian dan penyelidikan teliti telah dilakukan. Melaluinya kita dapat memahami konsep-konsep sistem dengan lebih baik.

2.1.1 Definisi Sistem Maklumat Akademik

Sistem Maklumat Akademik ini adalah satu sistem capaian maklumat secara elektronik yang akan diperkenalkan dalam satu siri projek dipanggil e-fakulti. Ia merupakan sub sistem dalam projek e-fakulti. Apa yang ditekankan dalam sistem ini adalah menyediakan satu medium yang mampu menyalurkan segala maklumat dengan tepat.

2.1.2 E-fakulti

E-fakulti merupakan satu projek baru yang diperkenalkan di FSKTM. Ia merangkumi beberapa sistem lain yang semuanya bertujuan menjana satu sistem maklumat secara elektronik.

Apa yang lebih penting adalah untuk membentuk budaya berasaskan teknologi maklumat. Ini untuk menggalakkan pelajar agar lebih biasa dengan komputer dan mahir dalam penggunaannya.

Melaluinya, hampir semua bentuk maklumat berkaitan program pengajian dapat dicapai. Melalui e-fakulti juga kita dapat mengurangkan penggunaan kertas bagi sesetengah kerja.

2.1.3 E-universiti

Ini merupakan usaha awal FKSTM yang seterusnya akan dikembangkan bagi matlamat membina e-universiti. E-universiti yang ingin dibangunkan adalah mengikut konsep model yang masih mengekalkan tradisi namun lebih progresif bagi menyediakan lebih banyak kemahiran khususnya dalam IT. Malah ia juga melibatkan pembinaan sosial supaya dapat membina persekitaran yang lebih idealis

2.2 PEMBANGUNAN SISTEM

2.2.1 Pencarian Sumber Maklumat

Penyelidikan ini bertujuan untuk memberi kefahaman yang lebih kepada pembangun sistem mengenai sistem yang akan dibuat. Ia juga penting untuk mengenalpasti kelemahan atau kekurangan sistem sedia ada dan mengambil inisiatif baru bagi memperbaikinya.

Skop utama bagi tinjauan ini adalah pada sistem maklumat secara elektronik dan kaedah manual yang sedia ada dan digunakan pada masa ini. Ia dilakukan bagi disiplin kerja dalam persekitaran berasaskan teknologi dan pendidikan.

Terdapat beberapa sumber utama dalam penyelidikan berkaitan sistem yang digunakan pada masa kini dan juga yang telah dibangunkan sebelum ini. Ia melalui pencarian di dalam internet dan penyelidikan bahan di bilik dokumen untuk melihat beberapa contoh sistem yang dibangunkan. Selain itu pemerhatian dan pendapat pengguna diambil berkaitan sistem yang digunakan sekarang.

2.2.1.1 Pencarian melalui internet

Bagi maklumat dalam internet ia lebih difokuskan kepada organisasi dan pusat pengajian tinggi yang membangunkan sistem maklumat khususnya sistem maklumat akademik secara elektronik.

Antara rujukan yang dibuat adalah pada halaman web universiti seperti UPM, USM, UUM, universiti luar negara, organisasi persendirian dan banyak lagi.

Maklumat boleh didapati di

<http://www.uum.edu.my/pkom/bm/app/tsld006.htm>

<http://www.upm.edu.my>

2.2.1.2 Dokumen-dokumen mengenai sistem yang telah dibangun

Bagi maklumat yang didapati dibilik dokumen berdasarkan penghasilan latihan ilmiah terdahulu, banyak contoh sistem yang telah dibangun dapat dikaji. Kaedah dan pendekatan yang digunakan dapat nilai bagi rujukan pembinaan sistem yang baru.

2.2.1.3 Hasil Analisis

2.2.1.3 Sumber Bertulis

Ia dapat dibuat melalui rujukan daripada buku panduan Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat dan juga beberapa buku teks yang berkaitan dengan sistem yang ingin dibangun.

2.2.1.3 Temuramah, Borang Soal Selidik dan Pemerhatian

Melalui pemerhatian dan luahan pendapat individu, beberapa kebaikan dan kelemahan sistem dapat dilihat. Komen dan pandangan yang diberi juga dapat dijadikan panduan dalam memahami kehendak pengguna.

Secara keseluruhannya melalui pencarian maklumat ini dapat memberi idea untuk membina sistem yang baik.

1. Kalendar akademik

2. Kalendar Pengurusan

3. Aktiviti kurikular

4. Postum graduan

5. Penilaian

2.2.2 Analisis Sumber Maklumat

Hasil dari pencarian maklumat akan dianalisa bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki.

2.2.2.1 Hasil Analisis

Bagi sumber pertama, berdasarkan kajian dan pemerhatian dibuat, beberapa perkara penting dapat di nilai. Kebanyakan universiti secara umumnya telah menyediakan satu sistem maklumat yang baik. Bagi sistem maklumat berkaitan akademik ia juga diatur agar dapat memenuhi kehendak pengguna.

Ada sesetengah halaman web yang interaktif kerana menggunakan perisian multimedia yang terkini. Namun ada juga yang lebih mementingkan bentuk dan kandungan data yang disampaikan.

Antara maklumat akademik yang biasa dimasukkan

1. Program yang ditawarkan
2. Sistem Akademik
3. Kalendar akademik
4. Keperluan Pengurusan
5. Aktiviti kurikular
6. Peraturan graduan
7. Praktikal

8. Jadual peperiksaan
9. Jadual kursus
10. Pelan Akademik

Melalui beberapa kajian yang dibuat mengenai Sistem Maklumat Akademik beberapa pusat pengajian tinggi menyediakan sistem yang agak baik.

Namun ada antaranya belum boleh digunakan sepenuhnya. Ada juga tidak menyediakan maklumat yang secukupnya. Maklumat yang terlalu umum atau yang kurang berkaitan dan tidak dikemaskinikan bagi satu jangka waktu yang panjang. Ini menyebabkan pengguna kurang berminat untuk mendapatkan maklumat melalui saluran yang ada.

Melalui contoh-contoh yang dilihat, beberapa perubahan dilakukan. Antara yang utama ialah beberapa ciri penting berkenaan maklumat akademik disusun mengikut keperluan. Contohnya kursus-kursus yang ditawarkan di bahagikan mengikut tahap pengajian. Seterusnya ia dibahagikan mengikut jabatan-jabatan tertentu.

Dengan cara ini, lebih memudahkan para pelajar meneliti keperluan kursus bagi jabatan masing-masing.

Maklumat mengenai sistem semester juga dibekalkan agar para pelajar mengenai segala butir terperinci dan maklumat terkini berkaitannya. Selain itu segala perubahan akan segera diberitahu bagi makluman semua pihak.

Satu lagi kemudahan yang bakal disediakan adalah berita mengenai sebarang maklumat berkaitan akademik. Kegiatan berunsur akademik luar kursus yang memerlukan penglibatan pelajar akan diberitahu. Ini untuk memberi peluang kepada pelajar untuk menyertai aktiviti luar yang berfaedah.

Prosedur-prosedur yang berkaitan dengan permohonan untuk menambah dan menggugurkan kursus akan dibuat keseluruhannya secara elektronik. Perubahan dan pemindaan kursus boleh dibuat sendiri oleh pelajar mengikut tempoh masa yang diberikan.

Secara keseluruhannya, melalui analisis yang telah dilakukan gabungan dibuat bagi beberapa aspek penting yang dapat diambil dan diubahsuai mengikut keperluan semasa. Ada beberapa elemen yang dikekalkan kerana kesesuaiannya namun ia akan digunakan melalui pendekatan yang lebih baik dalam mewujudkan sistem baru.

Konsep-konsep baru digunakan bagi menyediakan satu sistem yang baik, cepat dan ramah pengguna.



Rajah 2.1

Apa yang nyata, bagi sesuatu sistem haruslah mengkaji keperluan pengguna dan memastikan ia disediakan dengan cara, saluran dan masa yang betul. Beberapa kesimpulan yang dapat dibuat adalah sistem baru akan menyediakan pelbagai kemudahan maklumat akademik yang mampu memberi kepuasan kepada pengguna.

2.3 SENIBINA SISTEM


Senibina sistem perlu diberi perhatian khusus kerana merupakan salah satu elemen penting dalam pembinaan sistem.

2.3.1 Pelanggan / pelayan

Pelayan dan pelanggan terlibat dalam memisahkan permohonan dan permintaan dalam tugas-tugasnya dan meletakkan tugas-tugas tersebut pada platformnya.

Ia boleh dikategorikan mengikut 'number of tier implementation' yang bermula daripada 'two-tier implementation' kepada 'multi-tier implementation' dalam banyak persekitaran pelayan/pelanggan.

2.3.1.1 Two-tier Architecture



Rajah 2.1

Satu cara cepat dalam aplikasi pembinaan server pelayan/pelanggan adalah untuk membina 'two-tier client/server'. Di dalam persekitaran ini, lebih banyak pemprosesan di laksanakan di stesen kerja pelanggan, menggunakan ruang memori dan kuasa pemprosesan pelanggan untuk menyediakan lebih banyak fungsi sistem.

2.3.2 Internet

Dalam senibina ini, pelanggan mestilah sedar di mana data ditempatkan dan bagaimana keadaan bentuk data. Data mungkin berada di dalam satu atau lebih pelayan pangkalan data atau di komputer utama. Format dan paparan data biasanya dibekalkan oleh permintaan pelanggan.

Pelayan biasanya hanya disediakan untuk capaian data. Kemudahan dan kesesuaian hasilnya untuk mencipta permintaan baru memberi banyak kelebihan kepada perniagaan berskala kecil.

2.3.1.2 Three and multier Architecture



Rajah 2.2

Beberapa konsep 'Three and multier Architecture' dapat diaplikasi bagi pembangunan sistem. Ini kerana two-tier adalah sukar diskalakan. Dalam persekitaran perniagaan yang berubah, pengskalaan dan pengekal sistem adalah sesuatu yang diutamakan.

Faktor lain kepelbagaian pelanggan secara meluas dalam organisasi yang besar. Kebanyakan organisasi tiada kemudahan dalam mempunyai stesen kerja, melarikan sistem pengendalian versi yang sama atau yang hampir sama.

2.3.2 Internet

Internet menyediakan kemudahan untuk menukar maklumat dalam format boleh-guna-semula dan boleh-baca, misalnya gambarajah, pangkalan data atau kod perisian. Perkhidmatan ini merupakan pusat bagi segala sumber maklumat (perpustakaan maya) seperti katalog, perkhidmatan, penerbitan dan sebagainya.

Internet menyediakan satu perkhidmatan piawai yang terbaik untuk menghantar dan menerima mel ketika pengguna log sistem komputer secara jarak jauh atau menggunakan alat bergrafik seperti Jaringan sedunia (www) untuk merayau ke tempat yang menyediakan maklumat di seluruh dunia.

2.3.2.1 Model pengkomputeran Internet

Internet menggunakan model pengkomputeran tersebar (distributed computing) dan pengkomputeran pelayan-pelanggan.

2.4 PERALATAN PEMBANGUNAN

2.4.1 Perisian

Perisian hendaklah dipilih dengan tepat. Ini bagi memastikan pelaksanaan yang lebih lancar

2.4.1.1 Microsoft Visual Interdev

Microsoft Visual Interdev adalah sistem pembangunan yang terkini dengan ciri-ciri pembangunan visual dan peralatan pangkalan data yang baik. Membolehkan pembangun aplikasi untuk cepat membina halaman web dinamik yang interaktif sepenuhnya.

Ciri-ciri dan kebaikannya

- ❖ Cepat, kemajuan visual
- ❖ Integrasi peralatan pangkalan data yang baik
- ❖ Persekitaran Pembangunan customiz
- ❖ Active server Page
- ❖ Rekabentuk Query
- ❖ Bentuk data wizard
- ❖ Pre-bina komponen
- ❖ Mengandungi peralatan edit
- ❖ Integrasi dengan FrontPage
- ❖ ODBC

- ❖ Pembangunan bahasa VBScript dan JavaScript
- ❖ Mengandungi contoh, bantuan dan sumber online untuk pembelajaran cepat

2.4.2 Pangkalan Data

2.4.2.1 Fail berasaskan teks

Sistem fail berasaskan teks adalah paling sesuai untuk mengekalkan dan membina jadual lebar pembolehubah yang kecil seperti rekod format teks mudah. Ia tidak memerlukan sistem pengurusan untuk diimplementasi. Bagaimanapun ia tidak sesuai untuk struktur pangkalan data yang kompleks yang melibatkan banyak jenis data.

2.4.2.2 Microsoft Access 2000

Microsoft Access adalah sistem pengurusan pangkalan data hubungan yang digunakan untuk pangkalan data hubungan. Digunakan bersama dengan ODBC, data boleh dicapai daripada pangkalan data dalam sistem berasaskan pelayan/pelanggan.

2.4.2.3. SQL Server 7

Microsoft SQL Server adalah berskala, sistem pengurusan pangkalan data berkualiti tinggi yang direka khas untuk pengagihan pengkomputeran server pelanggan. Microsoft SQL Server menyediakan integrasi yang kuat dengan Windows dan aplikasi berasaskan Windows bagi membantu mengurangkan kos dan membahagikan,

mengaturkan dan menempatkan aplikasi yang **canggih dan kompleks**. SQL Server adalah mesin pangkalan data yang sesuai untuk **halaman web yang baik**.

Melalui integrasi kuat dengan Internet Info Server, SQL Server boleh dikemaskinikan melalui browser web yang popular. SQL Server adalah ODBC asal yang membolehkan ia beroperasi dengan lancar dengan antaramuka Internet DataBase Connector termasuk dengan IIS.

Rujuk www.whatis.com

2.4.3 Bahasa Pengaturcaraan

2.4.3.1 Active Server Pages

Teknologi Microsoft Active Server Pages adalah teknologi yang mengintegrasikan laman web kepada pangkalan data. Active Server Pages (ASP) adalah persekitaran pelaksanaan bahagian pelayan dalam IIS 3.0 yang membolehkan pembangun sistem untuk melarikan komponen skrip ActiveX dan ActiveX Server pada pelayan. Dengan menyatukan skrip dan komponen, organisasi dapat membina kandungan yang dinamik dan aplikasi berasaskan web dengan mudah.

Teknologi ASP membolehkan halaman HTML mengandungi skrip yang kompleks yang dilaksanakan di hos, membolehkan halaman kandungan dinamik untuk dibina daripada data yang dicapai daripada pangkalan data atau dari sumber lain boleh digunakan di

pelayan. ASP juga membenarkan untuk penyata **pengurusan, yang mana** membolehkan kita mengesan pengguna apabila mereka melayari **halaman tersebut**.

ASP diimplementasikan sebagai penapis ISAPI yang dilarikan dibawah IIS. Apabila pelanggan web membuat permintaan HTTP web server, Active Server ISAPI Filter mendapat peluang untuk menyekat permintaan. Sekiranya permintaan untuk fail .asp, Active Server mengambil alih daripada IIS, melalui keseluruhan fail dari atas ke bawah, memproses skrip pelayan dan kembalikan fail output HTML kepada IIS. IIS kemudian mengembalikan aliran data ini kepada permintaan web pelanggan.

ASP akan dilarikan pada Windows NT 4.0 Server dengan Internet Information Server 3.0 (IIS 3.0), Windows NT 4.0 Workstation dengan Peer Web Services dan Windows 95 dengan Personal Web Server. Dalam NT Server, ASP dilarikan pada ruang alamat yang sama seperti IIS dan IIS dilarikan sebagai servis dibawah Windows NT. Walau bagaimanapun ASP mempunyai semua ciri-ciri Windows NT Security.

2.4.4 Bahasa Pengskripan

2.4.4.1 VBScript

Visual Basic membolehkan skrip dicipta menggunakan subset dari bahasa Microsoft Visual Basic. VBScript diimplementasikan dengan cepat, mudah dibawa bagi pengaturcara untuk digunakan dalam web browser dan permintaan yang menggunakan kawalan ActiveX, Java applets, dan OLE Automation Servers.

VBScript adalah subset Visual basic untuk bahasa aplikasi yang biasa digunakan dalam aplikasi popular seperti Microsoft Excel, Microsoft Access, Microsoft Project dan sistem pembangunan Visual Basic 4.0. VBScript direkabentuk supaya cepat, jadi ia tidak menyokong penggunaan jenis tegas, ia hanya menyokong penggunaan varians. Ia juga mesti selamat untuk World Wide Web (WWW) jadi ia tidak termasuk fungsi yang terus memasuki sistem pengendalian mesin pelanggan dari fail sistem.

VBScript dihubungkan kepada aplikasi hos menggunakan skrip Active X, pelayar serta aplikasi-aplikasi hos lain dan ia tidak memerlukan kod integrasi tambahan bagi setiap komponen. Active X membolehkan hos untuk mengkompil skrip, mendapat serta memanggil masukan.

Kelebihan VBScript

- Mudah difahami dan dikuasai- ia adalah bahasa yang dicipta untuk mudah difahami oleh pengaturcara baru.
- Fleksibel – VBScript boleh digunakan di dalam banyak aplikasi.

Ciri-ciri VBScript

- Pengendalian ralat- Ia mempunyai subset yang dibekalkan oleh Visual Basic bagi melakukan fungsian ini.
- Pemformatan – VBScript berupaya memformat tarikh, nombor dan mata wang.

- Integrasi COM yang mudah
- Sintaks *even-binding* yang standard

2.4.4.2 JavaScript dan Jscript

Javascript adalah bahasa skrip yang ditulis oleh Netscape yang dimulakan oleh European Computer Manufacturers Association (ECMA) Standard dan merupakan bahasa skrip web pertama yang diterima dipasaran. Cara penyusunan ayat sama dengan Java yang mana berasaskan C++, tetapi ia adalah bahasa tafsir jika dibandingkan Java yang mana adalah bahasa penyusun. Ini bermakna ia mempunyai ciri-ciri bahasa tersebut dan ditambah dengan ciri-ciri istimewa yang tidak terdapat di dalam C atau Java.

Ia adalah sebuah program kecil di dalam laman web yang dilaksanakan oleh pengguna web. Masa dan ciri-ciri pelaksanaan dikawal oleh penulis skrip sendiri. Fungsi javascript boleh dipanggil di dalam dokumen web dan dilaksanakan oleh fungsi tetikus, butang dan sebagainya.

- ✓ Kelebihan Jscript
- ✓ Capaian luas diman aia dijamin boleh dilarikan pada mana-mana pelayar
- ✓ Terdapat banyak sumber bagi membantu pengaturcara baru seperti buku dan laman web
- ✓ Persamaan dengan C dan Java-sintaksnya tidak jauh berbeza dengan C dan Java

- ❖ Ciri-ciri Jscript
- ❖ Dinamik-ia boleh ditakrif semula pada bila-bila masa. Ini memberikan lebih fleksibiliti kepada skrip dan berguna dalam pengaturcaraan DHTML kerana DHTML membenarkan manipulasi objek
- ❖ Berorientasikan Objek-Jscript bukanlah bahasa pengaturcaraan berorientasikan objek tetapi ia memberikan alternatif efektif berdasarkan prototaip.
- ❖ Regular expression-Menambahkan keupayaan untuk membuat pencarian melalui ungkapan di dalam rentetan. Ini amat berguna pada server dan semakin berguna pada klien.
- ❖ Penilaian- Berupaya untuk menilai kod secara pantas semasa larian program.

2.5 KEBAIKAN SISTEM MAKLUMAT

Antara kebaikan yang dapat dilihat pada sistem maklumat ini ialah:

- Ia menyediakan perkhidmatan yang lebih baik
- Mengurangkan ralat
- Lebih tepat
- Memperbaiki kelancaran program
- Lebih berkesan

3.0 KEPERLUAN SISTEM

3.1 PENGENALAN

Sistem ini akan dilaksana dengan menggunakan 3 modul utama dimana satu untuk membina maklumat akademik secara umum, manakala dua modul lagi ialah berhubung personal untuk pelajar dan penyarah di dalam kelas kepada 3 modul untuk memudahkan pengiraan pada setiap modul.

Bab 3

3.2 MASALAH YANG DIHADAPI

Mengapakan sahaja kepada proses manual yang memerlukan pendaftaran kursus

KEPERLUAN SISTEM

Pada penyarah juga diberikan peranan untuk menguruskan maklumat, manakala juga diberikan peranan akademik bagi pelajar. Dan kesukaran mereka menyebarkan maklumat ini antara pelajar dan penyarah adalah kurang memuaskan. Akibatnya sebarang perubahan dibuat tidak disedari oleh pelajar dan beberapa masalah pelajar tidak disedari oleh penyarah. Maka modul ini dijangka dapat mengurangkan beberapa masalah ini. Sila lihat lampiran 2.

3.0 KEPERLUAN SISTEM

3.1 PENGENALAN

Sistem ini akan dilaksanakan menggunakan 3 modul utama dimana satu untuk memberikan maklumat akademik secara umum, manakala dua modul lagi lebih bersifat personal untuk pelajar dan pensyarah. Ia diringkaskan kepada 3 modul untuk memudahkan penekanan pada setiap modul.

3.2 MASALAH YANG DIHADAPI

Mengeluarkan arahan kepada pelajar, menampal notis, menguruskan pendaftaran kursus merupakan beban kerja yang terpaksa dilakukan oleh kakitangan pejabat. Bagi modul pihak pengurusan ia memudahkan beberapa fungsi tertentu. Sila rujuk lampiran 1 di mana ia menjelaskan aktiviti yang dilakukan.

Pihak pensyarah juga memainkan peranan penting kerana selain memberi kuliah, mereka juga merupakan penasihat akademik bagi pelajar. Dan kesibukan mereka menyebabkan adakalanya interaksi antara pelajar dan pensyarah adalah kurang memuaskan. Adakalanya sebarang perubahan dibuat tidak disedari oleh pelajar dan beberapa masalah pelajar tidak disedari oleh pensyarah. Maka modul ini dijangka dapat mengurangkan beberapa masalah ini. Sila lihat lampiran 2.

Masalah pelajar pula biasanya bermula dengan pendaftaran kursus di awal semester dan seterusnya masalah lain di sepanjang tempoh pengajian. Salah satu perkhidmatan yang disediakan dalam sistem maklumat akademik adalah prosedur-prosedur dalam menambah dan menggugurkan kursus.


Secara manual, iaitu cara yang masih digunakan pada masa ini di FSKTM, ia melibatkan pengisian borang oleh pelajar. Ia bermula dengan pra-pendaftaran yang dibuat pada penghujung sesi sesuatu semester. Seterusnya para pelajar akan menyemak bilangan jam kredit dan kursus yang akan diambil pada awal semester baru. Ia bergantung kepada keputusan peperiksaan semester yang lepas.

Dalam hal ini, kelewatan dalam mendapat keputusan peperiksaan merupakan salah satu masalah yang melambatkan proses pendaftaran dimana para pelajar tidak pasti samada memenuhi prasyarat dan berapa jumlah jam kredit yang boleh diambil. Selain itu, para pelajar diminta berjumpa dengan penasihat akademik yang ditetapkan bagi mendapat pandangan dan meluluskan jumlah kursus yang diambil.

Sekiranya para pelajar tidak memenuhi prasyarat atau terlebih mengambil jam kredit, pengguguran kursus mesti dilakukan. Ini juga memerlukan pelajar berjumpa penasihat akademik sekali lagi bagi mendapat kelulusan. Peringkat akhir sistem ini adalah memasukkan butir-butir mengenai kursus yang diambil kedalam komputer di pejabat yang diuruskan hanya oleh kakitangan pejabat.


Ia dapat dilihat melalui gambaran yang dibuat bagi sistem yang digunakan dan sistem yang akan dibangunkan.

Bagi sistem digunakan sekarang



Rajah 3.1

Sistem yang akan dibangunkan




Rajah 3.2

Pada sistem yang akan dibangunkan, pendaftaran kursus akan lebih mudah dan tidak mengambil masa yang lama. Namun masih terdapat beberapa kekangan yang tidak dapat dielakkan.

Antaranya, bagi subjek di luar fakulti FSKTM ia masih memerlukan pendaftaran secara manual. Ini kerana kita masih belum dapat melaksanakan pendaftaran secara terus ke fakulti berkenaan.

Bagi menjamin ketelusan pendaftaran, pengesahan penasihat akademik masih diperlukan. Ia juga sebagai satu cara agar pelajar mendapat pemahaman yang jelas sebelum mendaftar kursus.

Maka ia juga masih akan diteruskan. Masalah berkaitan keputusan peperiksaan akan dapat diatasi apabila penyemakan keputusan peperiksaan di buat secara elektronik. Selain itu had pendaftaran akan dikawal berdasarkan PNG/PNGK yang dicapai . Rajah 3.3 di bawah menunjukkan prosedur-prosedur bagi mendaftar kursus secara elektronik.



Rajah 3.3 Gambarajah Aliran data

3.3 PERALATAN YANG DIGUNAKAN.

Bagi memastikan segala yang dirancang dapat dilakukan, pemilihan perkakasan dan perisian yang tepat perlu dilakukan.

3.3.1 Perkakasan

Sekurang-kurangnya

- *Intel Pentium II 200MHz (Intel Pentium III 550Mhz dicadangkan)

- *10.2GB Hard Disk Drive

- *32 MB RAM (64MB dicadangkan)

- *1.44MB Floppy Disk Drive

- *15" monitor digital

- *Kemudahan internet

- *Peranti input seperti papan kekunci, tetikus, mesin pencetak dan lain lagi.

3.3.2 Perisian

- *Internet Explorer 4

- *Perisian Anti virus

- *Bahasa pengaturcaraan –Active Server Pages

- *Bahasa skrip- VBScript dan JavaScript

- *Pangkalan Data- SQL Server 7.0

- *Server dan Platform –Windows NT Server 4.0 dan IIS

- *Peralatan Pembangunan-Visual Interdev

Melalui penyelidikan yang telah dibuat, **Active Server Pages** dipilih kerana ia bukan sahaja merupakan bahasa pengaturcaraan yang **agak mudah** dibangunkan oleh pembangun sistem yang baru tetapi memiliki semua ciri-ciri dalam membina satu halaman web yang interaktif.

Selain itu bahasa pengskripan JavaScript dan VBScript merupakan bantuan tambahan yang boleh digunakan khususnya menjalankan beberapa fungsi tertentu.

SQL Server 7 merupakan pangkalan data yang berkeupayaan tinggi yang dapat menampung pertambahan data yang besar dan pencapaian maklumat secara berkesan.

3.4 MODEL YANG DIGUNAKAN

Sistem yang akan dibangunkan adalah berasaskan sistem manual yang digunakan pada masa ini dan ditambahkan dengan beberapa ciri lain yang menjadikan sistem ini lebih interaktif.


Atas sebab itu, model air terjun dipilih kerana fungsinya dimana ia memisahkan fasa spesifikasi dan pembangunan sistem.

Pemilihan ini dibuat berdasarkan beberapa masalah yang melibatkan sistem yang boleh dikenalpasti, dikaji dan diatasi melalui prosedur-prosedur model air terjun itu sendiri.

Ia melibatkan beberapa fasa utama seperti

1. Definisi dan analisis keperluan
2. Rekabentuk perisian dan sistem
3. Pelaksanaan dan pengujian unit
4. Integrasi dan pengujian sistem
5. Operasi dan penyelenggaraan

Ia dapat dilihat berdasarkan Rajah dibawah.



Rajah 3.4 Model Air Terjun

Berdasarkan Rajah diatas sistem dapat dilakukan secara berperingkat-peringkat.

Fasa pertama adalah definisi keperluan. Ia dilakukan secara berperingkat masalah dalam memahami sistem sekarang dan memahami keperluan pengguna dapat dikaji pada peringkat fasa ini. Ini dapat dilakukan berdasarkan beberapa teknik dilakukan.

3.4.1 Masalah yang Dikenal pasti


1. Maklumat yang bertindih
2. Kaedah prapendaftaran dan pendaftaran yang tidak teratur
3. Maklumat yang tidak lengkap
4. Maklumat yang tidak diperbaharui

3.5 KEPERLUAN FUNGSI

- 1 Memberikan maklumat secara elektronik
 - 2 Pendaftaran secara elektronik
 3. Sistem pengesahan bagi subjek yang diambil
 - 4 Sistem juga menyediakan beberapa fungsi lain dimana ia membolehkan
 - ❖ Penyelenggaraan maklumat kursus
 - ❖ Pembetulan dilakukan sebelum ia direkodkan
 - ❖ Mencetak maklumat
- Maklumat dicapai melalui pendekatan yang diingini oleh pengguna


Contoh:

Kursus	Keterangan
Nama Kursus	Menerangkan tajuk kursus
Kod Kursus	Memberikan kod kursus



Rajah 3.5

- ❖ Pembahagian maklumat mengikut tahap seperti Fakulti, Jabatan dan Tahun Pengajian




Rajah 3.6

3.6 KEPERLUAN BUKAN FUNGSI

3.6.1 Keselamatan

Keselamatan dimana ia menjamin privasi dan kerahsiaan maklumat pengguna
Ia dapat dilihat pada Rajah 3.6 dibawah.



Rajah 3.6

3.6.2 Mudah dicapai

Dimana ia mengurangkan tempoh masa untuk dimuat turunkan

3.6.3 Antara Muka Pengguna

Antara Muka Pengguna yang interaktif dan lebih mudah dilihat. Ia memuatkan beberapa jadual bagi memudahkan penyampaian maklumat.

3.6.4 Tahan lasak

Ia tidak mudah sensitif pada sebarang perubahan.

3.6.5 Mudah diubahsuai

Melalui pendekatan dimana ia mudah diubahsuai membolehkan ia juga mudah diselenggarakan.

3.6.6 Efektif

Ia mudah difahami, jelas, mementingkan ketepatan data, relevan dan padat. Pengguna akan mendapat maklumat yang jelas sahih dan terkini.

3.6.7 Lebih Mudah dikekalkan

Ia mengikut keperluan semasa dan lebih tahan lama.

3.6.8 Kebolegunaan

Ia boleh digunakan oleh hampir semua pihak universiti dan orang luar seperti pensyarah, pelajar dan pihak lain. Namun ia maklumat adalah terhad pada tahap tertentu.

3.7 MASA DIBAHAGIKAN DENGAN LEBIH BAIK

Perancangan dapat dilakukan bagi aktiviti-aktiviti tertentu. Ini penting bagi memastikan tiada yang tertinggal. Model air terjun digunakan kerana ia mengurangkan risiko bagi pembangunan yang telah difahami sepenuhnya dan pemilihan perisian yang baik dan berkeupayaan. Oleh kerana ia menekankan setiap peringkat fasa, kelemahan dan kekuatan sistem dapat dikesan dan diperbaiki.

4.0 REKABENTUK SISTEM

4.1 PENGENALAN

Fase ini dilaksanakan dengan menghubungkan 2 jenis fase rekabentuk sistem, iaitu rekabentuk logikal dan rekabentuk fizikal. Rekabentuk logikal seperti rekabentuk struktur sistem dan rekabentuk input dan output. Manakala rekabentuk fizikal pula ialah rekabentuk pengiraan data. Fase ini juga bertujuan untuk memahami peranan dan

Bab 4

REKABENTUK SISTEM

4.0 REKABENTUK SISTEM

4.1 PENGENALAN


Fasa ini dilaksanakan dengan membangunkan 2 jenis fasa rekabentuk sistem iaitu rekabentuk logikal dan rekabentuk fizikal. Rekabentuk logikal seperti rekabentuk aturcara sistem dan rekabentuk input dan output. Manakala rekabentuk fizikal pula ialah rekabentuk pangkalan data. Fasa ini juga bertujuan untuk memenuhi keperluan dan objektif yang dinyatakan semasa analisis awal sistem. Rekabentuk sistem perlu diambil kira daripada pelbagai aspek.

4.2 PERINGKAT PROSES REKABENTUK

Terdapat beberapa peringkat dalam proses rekabentuk iaitu rekabentuk struktur sistem secara keseluruhan, rekabentuk antaramuka pengguna dan juga rekabentuk pangkalan data. Rekabentuk sistem ini meliputi spesifikasi terperinci mengenai subsistem-subsistem, modul-modul aturcara, tatacara manual dan fail-fail data, yang membolehkan sistem ini diaturcara dan dilaksanakan oleh pengguna dengan cekap.

4.2.1 Rekabentuk sistem berstruktur

Proses ini bertujuan untuk melihat sistem secara keseluruhannya dan cuba menggambarkan aliran sistem melalui struktur gambaran pilihan yang terdapat dalam sesuatu menu dan modul-modul.



Rajah 4.1 Analisis pembinaan sistem

4.2.2 Antaramuka Pengguna

Rekabentuk antaramuka pengguna telah direka berdasarkan maklumat yang diperolehi dan mengikut spesifikasi dan panduan yang ditetapkan. Antaramuka sistem ini direkabentuk dengan antaramuka yang bersesuaian dengan pengguna sasaran dan jenis sistem. Ini dilakukan dengan mempertimbangkan terhadap pengguna warna, gambar dan teks digunakan.

4.2.4 Rekabentuk Menu

Memasukkan nombor id dan katalaluan untuk pengesahan pengguna dibuat. Membaca maklumat yang dipaparkan. Membolehkan pengguna memasukkan dan mengubah data tertentu merupakan antara fungsi antaramuka yang dibina.

4.2.2.1 Rekabentuk Antaramuka Pengguna

Rekebentuk adalah berasaskan pendekatan Graphical User Interface (GUI) dimana beberapa perkara dipertimbangkan seperti paparan dan persembahan samada halaman akan keluar seperti yang sepatutnya apabila menggunakan browser yang berlainan. Penekanan kepada penggunaan browser yang mampu memberikan perkhidmatan terbaik

Elemen halaman seperti gambar, animasi, saiz dan bentuk tulisan bila dipaparkan pada bentuk paparan 640x480. Samada maklumat boleh didapati dalam masa yang berpatutan bila menggunakan modem 14.4 Kbps atau 28.8 Kbps.

4.2.3 Pengkalan Data

4.2.3 Rekabentuk Skrin

Dibahagian kiri adalah kawasan Pelayaran (Navigation Area) manakala di bahagian kanan untuk kawasan ia berfungsi. Ia merupakan satu cara yang popular dan memudahkan pengguna untuk mencari maklumat yang diperlukan.

4.2.5.1 Rekabentuk Pengkalan Data

4.2.4 Rekabentuk Menu

Ia akan dibahagikan kepada 3 seksyen utama untuk pelajar, pensyarah dan diklasifikasikan secara umum. Sistem ini akan memenuhi segala keperluan sistem dimana ia mempunyai beberapa fungsi seperti

1. Mengenalpasti dan pengesahan pengguna yang berdaftar

2. Ia juga melibatkan kemudahan seperti

Maklumat untuk bacaan sahaja

Modul memperbaharui maklumat peribadi

Pendaftaran Kursus

Semakan Keputusan Peperiksaan

Menghantar cadangan dan komen

4.2.5 Pangkalan Data

